

**KEWAJIPAN NAZAR (PENAAKULAN) DAN  
KEHARAMAN TAKLID DI SISI MUHAMMAD  
BIN YUSUF AL-SANUSI MENERUSI  
KARYANYA SHARH AL-‘AQIDAH AL-KUBRA**  
THE OBLIGATION OF *NAZAR* (REASONING) AND THE  
PROHIBITION OF *TAQLID* ACCORDING TO  
MUHAMMAD BIN YUSUF AL-SANUSI THROUGH HIS  
WORK *SHARH AL-‘AQIDAH AL-KUBRA*

*Mohd Firdaus Mohamad Darwi\**, *Wan Haslan  
Khairuddin, Abdull Rahman Mahmood*

Research Centre for Theology and Philosophy. Faculty of Islamic Studies. Universiti Kebangsaan Malaysia. 43600. UKM Bangi. Selangor. Malaysia.

Email: [mulvifidoss@gmail.com](mailto:mulvifidoss@gmail.com) DOI: <https://doi.org/10.22452/afkar.vol26no1.12>

**Abstract**

This article discusses the obligation of *nazar* and the prohibition of *taqlid* according to Muhammad bin Yusuf al-Sanusi through his work *Sharh al-‘Aqidah al-Kubra*. The main issues highlighted are: [i] evidence and argumentation of the obligation of *nazar* on the side of al-Sanusi; [ii] al-Sanusi's response to those who deny *nazar*; and [iii] the law of *taqlid* faith on the part of al-Sanusi. The writing of this article is based on a qualitative study using the content analysis method of al-Sanusi's work entitled *Sharh al-‘Aqidah al-Kubra*. In addition, his other works and the works of other scholars related to the discussion are also seen to strengthen the analysis. The Qur'an's repeated affirmation of *nazar* makes it a separate obligation separate from the obligation of *ma'rifatullah* even though the two are closely related. *Iman taqlid* that is empty of *nazar* shows the defect of *ma'rifatullah*. Therefore, al-Sanusi is very strict in the law of *taqlid*.

**Article History:**  
Acceptance date: 21 May 2024  
Available Online: 30 June 2024

**Funding:** This research received grant from Ministry of Higher Education (FRGS/1/2022/SSII1/UKM/02/18)

**Competing interest:** The author(s) have declared that no competing interest exist.



in order to guarantee the safety of the *mukallaf* in this world and the hereafter.

**Keywords:** *Nazar; taqlid; Muhammad bin Yusuf al-Sanusi; Sharh al-'Aqidah al-Kubra.*

### **Khulasah**

Makalah ini membincangkan tentang kewajipan *nazar* dan keharaman taklid di sisi Muhammad bin Yusuf al-Sanusi menerusi karyanya *Sharh al-'Aqidah al-Kubra*. Isu utama yang diketengahkan ialah: [i] dalil dan penghujahan kewajipan *nazar* di sisi al-Sanusi; [ii] jawab balas al-Sanusi terhadap golongan yang menafikan *nazar*; dan [iii] hukum iman taklid di sisi al-Sanusi. Penulisan artikel ini dilakukan berdasarkan kajian kualitatif dengan metode analisis kandungan terhadap karya al-Sanusi berjudul *Sharh al-'Aqidah al-Kubra*. Selain itu, karya-karya beliau yang lain dan karya-karya ulama lain yang berkaitan dengan perbincangan juga dilihat bagi mengukuhkan analisis. Penegasan al-Quran yang berulang kali terhadap *nazar* menjadikan ia sebagai suatu kewajipan tersendiri yang berasingan dengan kewajipan *makrifatullah* walaupun keduanya saling berhubung rapat. Iman taklid yang kosong dari *nazar* menunjukkan kecacatan *makrifatullah*. Justeru, al-Sanusi amat tegas dalam hukum taklid demi menjamin keselamatan mukalaf di dunia dan akhirat.

**Kata kunci:** *Nazar; taklid; Muhammad bin Yusuf al-Sanusi; Sharh al-'Aqidah al-Kubra.*

### **Pendahuluan**

*Nazar* dari segi istilah bermaksud menyusun di dalam fikiran perkara-perkara yang sudah sedia dimaklumi untuk menghasilkan pengetahuan terhadap perkara yang belum diketahui.<sup>1</sup> Manakala taklid pula ialah perbuatan seorang mukalaf yang berpegang dengan kata-kata seorang yang

---

<sup>1</sup> Sa'd al-Din al-Taftazani, *Sharh al-Maqasid* (Beirut: 'Alam al-Kutub, 1998), 227.

lain tanpa dia mengetahui dalilnya.<sup>2</sup> Isu *nazar* ini amat signifikan untuk diteliti memandangkan wujud golongan dalam masyarakat Islam yang tidak melakukannya sama ada kerana cuai atau kerana tidak mampu dan sebaliknya hanya bertaklid dalam urusan akidah. Justeru, status iman invidu tersebut menjadi perbincangan dalam kalangan ulama sehingga melahirkan pelbagai pandangan yang berbeza. Pandangan yang paling keras berkenaan permasalahan ini adalah seperti yang ditegaskan oleh seorang tokoh akidah terkemuka beraliran al-Ash‘ari, Muhammad bin Yusuf al-Sanusi<sup>3</sup> (w. 895 H) menerusi karyanya *Sharh al-‘Aqidah al-Kubra* di mana dihukumkan sebagai kufur sesiapa yang tidak menggunakan *nazar*. Namun, pandangan ini bercanggah dengan pandangan yang diutarakan oleh jumhur ulama.<sup>4</sup> Oleh yang demikian, kajian ini secara khusus melihat pendirian al-Sanusi berkenaan isu ini menerusi karya tersebut.

Perbincangan berkenaan *nazar* dan taklid adalah kandungan perbahasan makrifatullah. Makrifatullah ialah mengenali Allah SWT dengan pengenalan yang kukuh

---

<sup>2</sup> ‘Ali ‘Uthman Jaradi, *al-Qawl al-Sadid Sharh Jawharah al-Tawhid* (Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2013), 50.

<sup>3</sup> Beliau ialah Muhammad bin Abi Ya‘qub Yusuf bin ‘Umar bin Shu‘ayb Abu ‘Abdillah al-Sanusi al-Hasani al-Tilimsani al-Maliki al-Ash‘ari. Gelaran al-Sanusi yang diperolehinya merujuk kepada nama kabilah beliau berasal iaitu kabilah Bani Sanusah yang berada di Maghribi. Gelaran al-Tilimsani pula merujuk kepada tempat beliau dilahirkan iaitu di sebuah kota bernama Tilimsan. Manakala gelaran al-Hasani pula merujuk kepada susur galur keturunan beliau yang sampai kepada al-Hasan bin ‘Ali bin Abi Talib iaitu cucu baginda Nabi Muhammad SAW. Lihat Sa‘id ‘Abd al-Latif Fudah, “Muqaddimah al-Muhaqqiq,” dalam Muhammad bin Yusuf al-Sanusi, *Sharh al-Muqaddimat* (Beirut: Mu’assasah al-Ma‘arif, 2009), 9.

<sup>4</sup> Ibrahim bin Muhammad bin Ahmad al-Bayjuri, *Tuhfah al-Murid Sharh Jawharah al-Tawhid* (Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2004), 43-44; Muhammad bin Abi Ya‘qub Yusuf al-Sanusi, *Sharh al-‘Aqidah al-Kubra* (Damsyik: Dar al-Taqwa, 2019), 142.

(*jazim*) serta bertepatan dengan dalil.<sup>5</sup> Pengenalan terhadap Allah SWT yang dimaksudkan adalah meliputi sifat-sifat yang wajib, mustahil dan harus pada hak-Nya, bukan pengenalan terhadap hakikat zat-Nya kerana tiada sesiapa yang mampu mengetahuinya melainkan Dia. Ini bererti bahawa makrifatullah merupakan sebahagian dari rukun iman yang kewajipannya sama sekali tidak boleh ditolak. Justeru, kewajipan makrifatullah atas setiap individu mukalaf adalah suatu yang disepakati walaupun wujud perselisihan sama ada ia menjadi kewajipan pertama atau sebaliknya.<sup>6</sup>

Selanjutnya, al-Sanusi berpendirian bahawa makrifatullah yang sempurna tidak dapat dihasilkan melainkan dengan *nazar*. Beliau juga dengan tegas berkata bahawa dakwaan makrifatullah dapat terhasil tanpa *nazar* sebagai batil.<sup>7</sup> Susulan daripada itu, beliau mengatakan bahawa *nazar* yang boleh menyampaikan kepada makrifatullah juga adalah wajib ke atas setiap individu mukalaf. Bahkan menurutnya lagi, kewajipan *nazar* itu berkedudukan pada kewajipan yang pertama mendahului makrifatullah.<sup>8</sup> Pendapat ini selari dengan pandangan al-Isfarayini (w. 418 H)<sup>9</sup> tetapi berbeza dengan pandangan al-Nawawi (w. 676 H) dan al-Ash‘ari (w. 324 H) yang menyebut bahawa kewajipan pertama atas setiap mukalaf ialah makrifatullah.<sup>10</sup> Walaupun begitu, menurut ‘Umar Mabraki, perbezaan ini tidak membawa kepada makna yang bercanggahan kerana kedua-duanya saling

<sup>5</sup> Muhammad bin Ahmad al-Dusuqi, *Hashiyah al-Dusuqi ‘ala Sharh Umm al-Barahin* (Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2020), 71.

<sup>6</sup> Al-Bayjuri, *Tuhfah al-Murid Sharh Jawharah al-Tawhid*, 46.

<sup>7</sup> Al-Sanusi, *Sharh al-‘Aqidah al-Kubra*, 188.

<sup>8</sup> Al-Sanusi, *Sharh al-‘Aqidah al-Kubra*, 124.

<sup>9</sup> Al- Bayjuri, *Tuhfah al-Murid Sharh Jawharah al-Tawhid*, 47.

<sup>10</sup> Muhammad al-Hajjar, *Sharh al-Maqasid al-Nawawiyah* (Beirut: Dar al-Basa’ir al-Islamiyyah, 2010), 9; ‘Abd al-Barr bin ‘Abdillah bin Muhammad al-Ajhuri, *Fath al-Qarib al-Majid bi Sharh Jawharah al-Tawhid* (‘Amman: Dar al-Fath, 2019), 100.

mengesahkan antara satu sama lain. *Nazar* menjadi kewajipan pertama kerana ia dilihat sebagai jalan yang boleh menyampaikan kepada makrifatullah. Sedang makrifatullah pula menjadi kewajipan pertama kerana ia merupakan maksud dan objektif disebalik *nazar*.<sup>11</sup>

Namun, terdapat pandangan dari kelompok dan individu tertentu yang sama sekali tidak mewajibkan *nazar* malah menafikan keperluannya dengan pelbagai hujah dan alasan. Pandangan seumpama ini muncul dari kelompok dan kumpulan yang pelbagai. Sebahagian daripadanya amat dimaklumi penyelewengannya seperti al-Sumaniyyah, al-Barahimah dan selain mereka. Justeru itu, timbul beberapa persoalan dalam mendepani permasalahan ini. Apakah dalil dan penghujahan al-Sanusi dalam mensabitkan kewajipan *nazar* dan bagaimana beliau menjawab penghujahan dari kelompok yang menafikan *nazar*? Selain itu, wujud dakwaan bahawa al-Sanusi mengkafirkan masyarakat awam yang umumnya meninggalkan *nazar* dan hanya bertaklid dalam urusan akidah.<sup>12</sup> Oleh yang demikian, timbul juga persoalan bagaimanakah pendirian al-Sanusi terhadap iman taklid? Apakah punca dakwaan tersebut muncul dan apakah jawapan terhadap dakwaan itu?

Penulisan ini bertujuan meninjau dalil-dalil dan penghujahan al-Sanusi dalam mensabitkan kewajipan *nazar* melalui karyanya *Sharh al-'Aqidah al-Kubra* dan menganalisis jawab balas beliau terhadap hujah-hujah kelompok yang menafikannya. Selain itu, hukum iman taklid berdasarkan pandangan al-Sanusi melalui karya tersebut turut akan dilihat. Penulisan ini dilakukan berasaskan kajian kualitatif dengan metode analisis kandungan. Melalui data yang diperoleh, sememangnya al-

---

<sup>11</sup> ‘Umar Mabraki, *al-Ilahiyyat 'ind al-Imam al-Sanusi* ('Amman: Dar al-Nur al-Mubin, 2021), 34.

<sup>12</sup> ‘Umar Mabraki, *al-Ilahiyyat 'ind al-Imam al-Sanusi*, 47.

Sanusi amat tegas mencela perbuatan taklid dalam akidah.<sup>13</sup> Penelitian awal mendapati, *nazar* menjadi kewajipan pertama di sisi al-Sanusi bukan kerana ia menjadi jalan penghasilan makrifatullah sebagaimana yang dikatakan oleh ‘Umar Mabraki sebelum ini. Bahkan kerana wujud perintah berasingan terhadap *nazar* itu sendiri di dalam al-Quran sebagaimana yang akan dijelaskan. Oleh itu, tuntutan terhadap *nazar* menjadi suatu perintah yang berlainan dengan perintah makrifatullah serta ia adalah perintah yang perlu didahulukan menurut tertib mewujudkan makrifatullah.

### **Dalil dan Penghujahan Kewajipan *Nazar* di sisi Al-Sanusi**

Terdapat tiga perkara yang menjadi asas penghujahan al-Sanusi dalam meletakkan hukum kewajipan *nazar*. Tiga perkara tersebut ialah:

- i. Perintah menghasilkan makrifatullah melalui al-Quran dan Hadith.
  - ii. Perintah *nazar* yakni merenung dan meneliti dengan mendalam bagi mengenali tuhan melalui al-Qur'an.
  - iii. Kesepakatan (ijmak) para sahabat dalam mewajibkan *nazar*.<sup>14</sup>
- i. Perintah Menghasilkan Makrifatullah Melalui al-Quran dan Hadith

Kewajipan *nazar* adalah yang pertama menurut al-Sanusi sebagaimana yang telah dinyatakan. Namun dalam memberi penghujahan tentang kewajipannya, beliau membentangkan dalil-dalil kewajipan makrifatullah

---

<sup>13</sup> Engku Ku Hassan Engku Wok Zin & Mohd Fauzi Hamat, “Pengaruh Umm al-Bara’ih Karangan al-Sanusi dalam Penulisan Karya Akidah di Alam Melayu,” *Jurnal Usuluddin* 30 (2009), 3; Mustafa Kamal bin Amat Misra & Mohd Hakim bin Arshad, “Peranan Muhammad bin Yusuf al-Sanusi terhadap kelangsungan Manhaj al-Asha’irah,” IRSYAD E-Proceeding. International Conference on Islamiyyat Studies, 2018, 296.

<sup>14</sup> Al-Sanusi, *Sharh al-‘Aqidah al-Kubra*, 145-146.

terlebih dahulu kerana melihat bahawa makrifatullah adalah tujuan di sebalik renungan dan penelitian yang diperintahkan. Perkara ini dapat disaksikan menerusi karya beliau berjudul *Sharh al-'Aqidah al-Kubra* ketika membahaskan taklid. Kesemua dalil yang dibawa menunjukkan dengan jelas terhadap perintah menghasilkan makrifatullah.<sup>15</sup> Dalil al-Quran dan Hadith tersebut adalah seperti berikut:

فَاعْلَمُوا أَنَّا نَزَّلْنَا عِلْمًا لَّا إِلَهٌ إِلَّا هُوَ

Terjemahan: Maka ketahuilah bahawa al-Qur'an itu diturunkan hanyalah menurut pengetahuan Allah, dan bahawa tidak ada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah.

Hud 11:14

فَاعْلَمُوا أَنَّهُ لَا إِلَهٌ إِلَّا اللَّهُ

Terjemahan: Maka ketahuilah, bahawa tidak ada tuhan (yang patut disembah) selain Allah.

Muhammad 47:19

لِتَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَأَنَّ اللَّهَ قَدْ أَحَاطَ بِكُلِّ  
شَيْءٍ عِلْمًا

Terjemahan: Supaya kamu mengetahui bahawa sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu, dan bahawa sesungguhnya Allah tetap meliputi ilmu-Nya akan tiap-tiap sesuatu.

Al-Talaq 65:12

لَيَسْتَقِيقَنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ وَيَرْدَادُ الَّذِينَ ءامَنُوا إِنَّمَا

Terjemahan: Supaya orang-orang yang diberi Kitab (Yahudi dan Nasrani) boleh percaya dengan yakin (akan kebenaran al-Quran), dan

---

<sup>15</sup> *Ibid.*, 141-146.

supaya orang-orang yang beriman bertambah imannya.

Al-Muddaththir 74:31

فُلْ هُدْنِيَ سَبِيلَيْ أَذْعُوْ إِلَيْ اللَّهِ عَلَىٰ تَصْرِيْةِ أَنَا وَمِنْ أَتَبَعَنِي  
وَسَبِيلَحْنَ اللَّهَ وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ

Maksudnya: Katakanlah (wahai Muhammad), “Inilah jalanku, aku dan orang-orang yang menurutku, menyeru manusia kepada agama Allah berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas nyata. Dan aku menegaskan: Maha suci Allah (dari segala iktikad dan perbuatan syirik) dan bukanlah aku dari golongan yang memperseketukan Allah dengan sesuatu yang lain.

Yusuf 12:108

Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ مَاتَ وَهُوَ يَعْلَمُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ دَخَلَ الْجَنَّةَ

Terjemahan: Sesiapa yang mati dalam keadaan dia mengetahui dengan yakin bahawa tiada tuhan selain Allah nescaya akan memasuki syurga.<sup>16</sup>

Al-Sanusi memberi penjelasan bahawa istilah makrifat, ilmu, yakin dan *basirah* pada dalil-dalil yang dikemukakan membawa pengertian yang sama. Terdapat lima tahap penghasilan keimanan. Iaitu [1] ilmu, [2] iktikad, [3] *zann*, [4] syak dan [5] *wahm*. Dua tahap pertama dikategorikan sebagai *jazm* (pegangan kukuh) manakala tiga yang selebihnya dikategorikan sebagai tidak *jazm*. Para ulama bersepakat bahawa keimanan yang terhasil dalam kategori tidak *jazm* adalah batil dan tidak sah. Begitu juga

<sup>16</sup> Muslim bin al-Hajjaj al-Qushayri al-Naysaburi, *Sahih Muslim* (Kaherah: Dar al-Ta’sil, 2014), 1, 26.

ulama bersepakat keimanan yang terhasil pada tahap ilmu sebagai sah dan diterima. Perselisihan hanya berlaku berkenaan keimanan yang terhasil pada tahap iktikad. Keimanan pada tahap ini berlaku kepada individu mukalaf yang bertaklid. Oleh yang demikian, al-Quran dan Hadith memerintahkan keimanan menggunakan lafadz ilmu, makrifat, yakin dan *basirah* sebagaimana terkandung di dalam ayat yang telah dinyatakan kerana ia adalah tahap iman yang diterima secara pasti.<sup>17</sup>

ii. Perintah *Nazar* di dalam al-Quran

Al-Sanusi amat menegaskan bahawa makrifatullah hanya akan terhasil melalui *nazar*.<sup>18</sup> Namun begitu, *nazar* dihukumkan wajib ini bukan disebabkan ia menjadi jalan kepada makrifatullah sebagaimana kaedah yang dimaklumi menyebut, “sesuatu akan menjadi wajib apabila kesempurnaan kewajipan suatu perkara lain bergantung kepadanya”.<sup>19</sup> Sebaliknya, kewajipan *nazar* menurut al-Sanusi adalah berdasarkan dalil-dalil khusus berkenannya yang datang berulang-ulang kali sehingga ia seolah-olah menjadi suatu tuntutan tersendiri yang berasingan dengan tuntutan makrifatullah.<sup>20</sup> Ini sekaligus menegaskan bahawa kewajipan *nazar* adalah bersifat *shar'i* bukan ‘*aqli*’ sebagaimana yang dipegang oleh kelompok Muktazilah.<sup>21</sup>

Ia juga memberi makna bahawa *nazar* dan makrifatullah adalah dua kewajipan yang berasingan namun keduanya saling berhubung rapat. Oleh yang demikian, al-Sanusi tidak hanya mendatangkan dalil-dalil yang mewajibkan makrifatullah, bahkan turut menyertakan

---

<sup>17</sup> Al-Sanusi, *Sharh al-'Aqidah al-Kubra*, 141-145.

<sup>18</sup> *Ibid.*, 188.

<sup>19</sup> Muhammad Sidqi al-Burnu al-Ghazzi, *al-Wajiz fi Iydh Qawa'id al-Fiqh al-Kulliyah* (Beirut: Mu'assasah al-Risalah, 1996), 393.

<sup>20</sup> Al-Sanusi, *Sharh al-'Aqidah al-Kubra*, 133.

<sup>21</sup> *Ibid.*, 125.

dalil-dalil yang menjelaskan kewajipan *nazar* seperti berikut:<sup>22</sup>

أَوْلَمْ يَنْظُرُوا فِي مَلَكُوتِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا خَلَقَ اللَّهُ مِنْ شَيْءٍ وَأَنْ عَسَى أَنْ يَكُونَ قَدْ أَفْتَرَبَ أَجْلُهُمْ

Terjemahan: Patutkah mereka tidak mahu memperhatikan alam langit dan bumi dan segala yang diciptakan oleh Allah, dan (memikirkan) bahawa harus telah dekat ajal kebinasaan mereka?

Al-A'raf 7:185

فَلِمَنْظُرُوا مَاذَا فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ

Terjemahan: Katakanlah (wahai Muhammad): Perhatikan dan fikirkanlah apa yang ada di langit dan di bumi (dari segala kejadian yang menakjubkan, yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaanNya).

Yunus 10:101

أَوْلَمْ يَتَعَكَّرُوا عَمَّا يَصَاحِبُهُمْ مِنْ حَيَّةٍ

Terjemahan: Patutkah mereka tidak mahu memikirkan (dengan fikiran yang siuman bahawa) sahabat mereka (Muhammad) tidak sekali-kali mengidap penyakit gila.

Al-A'raf 7:184

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَآخْتِلْفُ أَلَيْلٌ وَآنَّهَارٌ لَا يَتِي لِأَنْوَافِ الْأَلْبَابِ

Terjemahan: Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi dan pada pertukaran malam dan siang ada tanda-tanda (kekuasaan,

---

<sup>22</sup> *Ibid.*, 145-146.

kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal.

Ali ‘Imran 3:190

Ibn Kathir (w. 774 H) mengatakan, perkataan *al-albab* di dalam ayat tersebut bermaksud akal yang bersifat sempurna dan bersih yang boleh memahami hakikat pelbagai perkara melalui perantaraan zahirnya.<sup>23</sup> Justeru, konteks ayat tersebut adalah selari dengan perintah *nazar* dan berfikir yang terkandung pada ayat-ayat sebelumnya. Manakala perkataan *nazar* pula, meskipun ia adalah lafadz *mushtarak* (yang mempunyai banyak makna) namun ia dinterpretikan dengan makna penaakulan dan renungan mendalam dalam konteks ayat-ayat yang disebutkan di atas dan seumpamanya.<sup>24</sup> Oleh yang demikian, dalil-dalil yang dibawa oleh al-Sanusi tersebut jelas memberitahu perintah *nazar* sabit secara tersendiri dan ia bukan disabitkan melalui perintah makrifatullah.

iii. Ijmak Para Sahabat dalam Mewajibkan *Nazar*  
Al-Sanusi menegaskan lagi bahawa kesepakatan para sahabat juga menjadi dalil kewajipan *nazar*. Menurutnya, para sahabat amat mencela perbuatan taklid dan sering berwaspada daripadanya. Perkara ini amat umum tersebar dalam kalangan sahabat tanpa ada pertikaian.<sup>25</sup> Ini adalah disebabkan kesempurnaan makrifat yang wujud di dalam diri mereka. Pelbagai contoh berkenaan sifat dan tindakan dari sebahagian sahabat didatangkan oleh al-Sanusi menerusi *Sharh al-'Aqidah al-Kubra* untuk membuktikan perkara ini. Ia adalah kesan dari situasi akal bersih para sahabat yang sentiasa bertaakul mencari dalil dan petunjuk terhadap kebesaran Allah SWT. Apabila makrifat yang

---

<sup>23</sup> Ibn Kathir, *Tafsir al-Quran al-'Azim*, *Tafsir Ibn Kathir* (Riyadh: Dar Tayyibah, 1999), 184.

<sup>24</sup> Umar Mabraki, *al-Ilahiyyat 'ind al-Imam al-Sanusi*, 11.

<sup>25</sup> Al-Sanusi, *Sharh al-'Aqidah al-Kubra*, 146.

sempurna wujud, mustahil keadaan bertaklid berlaku pada diri mereka.<sup>26</sup>

Beliau juga menambah bahawa wujud perintah Nabi Muhammad SAW terhadap para sahabat agar menghindarkan diri dari menyerang atau membunuh sesiapa yang mengucapkan kalimah syahadat tanpa perlu meneliti keadaan sebenar hatinya. Namun menurut al-Sanusi, perintah ini bukan dalil agar seseorang itu tidak perlu melakukan *nazar* dalam keimanannya. Bahkan perintah tersebut adalah penegasan daripada Nabi SAW agar para sahabatnya sentiasa bertindak dan menjalankan hukum terhadap orang lain berdasarkan apa yang zahir. Sebagaimana Nabi SAW sendiri tidak mengenakan apa-apa hukuman terhadap para munafik yang diketahui kemunafikannya. Oleh yang demikian, ia tidak termasuk di dalam perbincangan berkenaan *nazar* kerana perbincangan *nazar* dan makrifatullah adalah berkaitan iman yang diterima di sisi Allah yang menjadi sebab keselamatan seseorang di hari Akhirat, dan bukan di dunia.<sup>27</sup>

### **Jawab Balas al-Sanusi Terhadap Golongan Menafikan *Nazar***

Terdapat beberapa kumpulan seperti al-Sumaniyyah, al-Barahimah dan individu tertentu yang berpendirian bahawa *nazar* adalah tidak wajib bahkan ia tidak diperlukan. Mereka menegaskannya dengan alasan dan hujah yang berbeza-beza. Al-Sanusi membentangkan pandangan-pandangan tersebut di dalam karyanya *Sharh al-'Aqidah al-Kubra* pada tempat-tempat berbeza serta menjelaskan kesilapan pandangan seumpama itu.

#### **i. *Al-Sumaniyyah***

Kelompok ini muncul pada kurun ke-5 Hijrah di India. Mereka merupakan kelompok yang menafikan hukum akal

---

<sup>26</sup> *Ibid.*, 162-168.

<sup>27</sup> Al-Sanusi, *Sharh al-'Aqidah al-Kubra*, 147.

dan mengingkari ilmu-ilmu akliyah.<sup>28</sup> Mereka juga dinisahkan kepada fahaman al-Dahriyyah<sup>29</sup> selain berpegang dengan kepercayaan *tanasukh*.<sup>30</sup> Menurut kelompok ini, pengetahuan hanya akan berhasil dengan perantaraan pancaindera. Oleh yang demikian, mereka mengatakan bahawa *nazar* sama sekali tidak memberi apa-apa faedah terhadap ilmu dan makrifat.

Sebagai menjawab pemahaman ini, al-Sanusi berkata, orang yang berakal pasti tidak akan menafikan bahawa taakul (*nazar*) akan memberi faedah ilmu dan ini termasuk dalam perkara yang pasti. Kemudian beliau menerangkan bahawa sesuatu perkara *daruriyyah*<sup>31</sup> (intuisi atau aksiom) dapat dibahagikan kepada dua jenis. Pertama ialah sesuatu yang diketahui tanpa perlu kepada sebab seperti mengetahui seluruh dari sesuatu objek adalah lebih besar dari sebahagian objek tersebut. Ia boleh terus diketahui. Kedua ialah sesuatu yang diketahui hanya apabila wujudnya sebab seperti mengetahui manisnya makanan. Ia tidak akan diketahui melainkan wujudnya jalan atau sebab untuk mengetahuinya iaitu kekuatan rasa.

Dalam konteks makrifatullah di sini, al-Sanusi menyebut bahawa renungan mendalam yang membawa kepada petunjuk berperanan sebagai sebab kerana ia adalah faktor penghasilan makrifatullah.<sup>32</sup> Oleh yang demikian, menjadi kesalahan besar apabila menghadkan perkara

---

<sup>28</sup> Basri bin Husin, “Perbahasan Epistemologi dalam Wacana Kalam al-Asha’irah: Analisis terhadap Pemikiran al-Baqilani dan al-Baghdadi” (Tesis Kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2018), 128; al-Baghdadi, *Usul al-Din* (Turki: Matba’ah al-Dawlah, 1928), 10.

<sup>29</sup> ‘Umar Mabraki, *al-Ilahiyyat ‘ind al-Imam al-Sanusi*, 47.

<sup>30</sup> Abu al-Mawahib al-Hasan al-Yusi, *Hawashi al-Yusi ‘ala Sharh Kubra al-Sanusi* (Madinah: Dar al-Furqan, 2008), 148.

<sup>31</sup> *Daruriyyah* ialah sesuatu yang dapat diketahui secara langsung tanpa perlu kepada penelitian dan *istidlal*. Lihat al-Bayjuri. *Hashiyah al-Bayjuri ‘ala Sharh al-‘Aqa’id al-Nasafiyyah* (Syria: Dar al-Taqwa, 2020), 219.

<sup>32</sup> Al-Sanusi, *Sharh al-‘Aqidah al-Kubra*, 128.

*daruri* hanya kepada jenis yang pertama sahaja sebagaimana sangkaan al-Sumaniyah.

### **ii. *Al-Barahimah***

Pihak seterusnya yang menafikan *nazar* juga datang dari kelompok di India. Al-Sanusi hanya menyebut kelompok tersebut berasal dari India tanpa menjelaskan namanya.<sup>33</sup> Namun, menurut kajian ‘Umar Mabraki kelompok yang dimaksudkan oleh al-Sanusi ialah al-Barahimah.<sup>34</sup>

Menurut kumpulan ini, makrifat dan ilmu hanya diperoleh dengan jalan ilham. Apabila jiwa dikosongkan dari segala sesuatu dan jasmani dijauhkan dari segala kesibukan, nescaya makrifat akan diilhamkan dan terhasil. Perkara ini disebabkan situasi jiwa pada asal penciptaananya adalah sentiasa dalam keadaan bersedia untuk menerima makrifat. Apabila jiwa berjaya kembali kepada situasi asalnya dengan langkah-langkah yang disebutkan, makrifat akan hadir dengan ilham.<sup>35</sup> Al-Sanusi menjawab, dengan semata-mata melepaskan jiwa dan jasmani dari segala kesibukan yang disebutkan tidak memadai dalam penghasilan makrifat melainkan perlu kepada kehadiran ilmu terlebih dahulu. Ilmu yang diperlukan tersebut merangkumi ilmu berbentuk *daruriyyah* mahupun bukan *daruriyyah* di mana kesempurnaannya akan diperoleh hanya melalui *nazar*.<sup>36</sup>

### **iii. Sebahagian Golongan Sufi**

Sebahagian dari golongan sufi berpandangan bahawa makrifatullah hanya akan terhasil dengan jalan kerohanian seperti riadah jiwa, mujahadah nafsu, mengasingkan diri (*khalwah*) dan penyucian hati. Seseorang yang sering beruzlah, mengambil makanan yang halal, kerap berlapar, menghindar dari kebanyakan urusan dunia, bersungguh-

---

<sup>33</sup> *Ibid.*, 179.

<sup>34</sup> ‘Umar Mabraki, *Al-Ilahiyyat ‘ind al-Imam al-Sanusi*, 28.

<sup>35</sup> Al-Sanusi, *Sharh al-‘Aqidah al-Kubra*, 179.

<sup>36</sup> *Ibid.*

sunguh dalam beribadat dan berzikir, nescaya akan dianugerahkan makrifat yang tidak boleh dicapai dengan *nazar*.<sup>37</sup> Berkenaan dakwaan ini, al-Sanusi hanya memberi jawapan dengan mengemukakan beberapa persoalan. Bagaimakah seseorang boleh memperhambakan diri terhadap tuhan yang dia tidak dikenali? Bagaimana seseorang boleh berzikir dalam keadaan dia tidak mengenali tuhan yang diingati itu? Bagaimana seseorang dapat bersifat takwa dalam amalannya sedang dia tidak mengenali pihak yang memerintah dan melarang amalan itu? Bagaimana seseorang boleh melakukan perkara yang diharuskan sedang dia tidak tahu siapa yang mengharuskannya?<sup>38</sup>

Jelas melalui persoalan yang dikemukakan, bahawa usaha kerohanian yang disebutkan bukan jalan terhasilnya makrifatullah. Bahkan makrifatullah perlu wujud terlebih dahulu sebelum usaha-usaha tersebut dilakukan. Namun begitu, al-Sanusi tetap memperakui kepentingan usaha-usaha kerohanian tersebut kerana menurutnya ia adalah sebab yang boleh menghasilkan bantuan Allah SWT terhadap hamba-Nya untuk lebih dapat merasai makrifatullah yang ada di dalam diri dan seterusnya meningkat imannya ke maqam *ihsan*.<sup>39</sup>

#### iv. Sebahagian Ahli Zahir

Dalam menegakkan dakwaan *nazar* sama sekali tidak diperlukan, golongan ini bersandarkan kepada Hadith-hadith yang memberitahu tentang kalimah syahadah. Hadith-hadith seumpama itu pada zahirnya menunjukkan bahawa ucapan syahadah yang diucapkan seseorang adalah memadai untuk menjamin keselamatannya di dunia dan akhirat tanpa perlu kepada *nazar*.<sup>40</sup> Al-Sanusi

---

<sup>37</sup> *Ibid.*, 178.

<sup>38</sup> *Ibid.*

<sup>39</sup> *Ibid.*

<sup>40</sup> Al-Sanusi, *al-Manhaj al-Sadid fi Sharh Kifayah al-Murid* (Algeria: Dar al-Huda, 1994), 71.

menyanggahnya dengan mengatakan bahawa Hadith-hadith tersebut adalah bersifat *mujmal* (umum). Terdapat sekian banyak Hadith lain yang menjelaskan dan menafsirkan kehendak disebalik Hadith-hadith yang *mujmal* tersebut.<sup>41</sup> Kesimpulannya, iman yang melayakkan pemiliknya untuk selamat di dunia dan akhirat bukan hanya dengan ucapan syahadah semata-mata. Bahkan ucapan itu perlu disertakan dengan keyakinan di dalam hati atau makrifat.<sup>42</sup>

Selain itu, mereka juga mengatakan bahawa *nazar* dalam urusan akidah sebagai bidaah dan para sahabat sendiri tidak mengetahui tentang *nazar* serta kaedah-kaedah yang bersangkutan dengannya. Menjawab kepada pandangan ini al-Sanusi berkata bahawa dakwaan *nazar* sebagai bidaah adalah suatu pembohongan dan pendustaan yang nyata. Ini kerana, perintah dan saranan terhadap *nazar* adalah sabit melalui ayat-ayat al-Quran yang teramat jelas.<sup>43</sup>

Manakala dakwaan mereka bahawa para sahabat tidak mengetahui tentang istilah dan kaedah *nazar* dalam beriktikad sama sekali tidak boleh dijadikan dalil dan hujah untuk menafikan keabsahan *nazar*. Ini kerana tidak mengetahui sesuatu perkara tidak melazimkan ketiadaan perkara tersebut. Tidak mengetahui tentang *nazar* tidak bermakna *nazar* itu benar-benar tidak ada. Bahkan realitinya, *nazar* sememangnya wujud pada diri para sahabat meskipun ia tidak diistilahkan ketika itu. Istilah dan kaedah diwujudkan ulama selepas era sahabat hanyalah sebagai pemudah cara dalam urusan belajar, mengajar dan penulisan. Ia adalah suatu yang sememangnya berlaku dalam semua jurusan ilmu agama.<sup>44</sup>

---

<sup>41</sup> *Ibid.*

<sup>42</sup> Al-Sanusi, *Sharh al-'Aqidah al-Kubra*, 186.

<sup>43</sup> *Ibid.*, 152-153.

<sup>44</sup> *Ibid.*, 162; 169.

## v. Individu Yang Tidak Dijelaskan Nama

Al-Sanusi tidak menyebut secara jelas siapakah individu yang beliau maksudkan ketika membentangkan sanggahannya. Beliau hanya menyebut bahawa pandangan itu lahir dari mereka yang sezaman dengannya.<sup>45</sup> Namun menurut ‘Umar Mabraki, sanggahan itu dapat difahami ditujukan kepada Ahmad bin Muhammad bin Zakri al-Tilimsani. Beliau merupakan seorang tokoh yang sezaman dengan al-Sanusi serta mahir dalam bidang Fiqh dan Usul. Pendapat ‘Umar Mabraki ini adalah kerana wujud perbezaan kenyataan di antara mereka di dalam karya masing-masing yang dihasilkan pada waktu dan zaman yang sama.<sup>46</sup> Al-Sharfawi pula mengulas bahawa al-Sanusi tidak mengkhususkan sanggahannya terhadap Ibn Zakri sebaliknya terhadap sekumpulan ulama yang mempunyai pandangan berbeza yang akan dijelaskan selepas ini.<sup>47</sup>

Walaubagaimanapun, melalui dapatan pengkaji sanggahan al-Sanusi ini tidak ditujukan kepada Ibn Zakri. Ini kerana, maksud dari kenyataan yang dibawa oleh Ibn Zakri adalah selari dengan pandangan jumhur ulama. Beliau mengatakan bahawa dalil yang *ijmali* adalah memadai dalam penghasilan sekurang-kurang *nazar* bagi masyarakat awam. Beliau sama sekali tidak menafikan keperluan dan kepentingan *nazar*.<sup>48</sup> Manakala kenyataan al-Sanusi di dalam *Sharh al-‘Aqidah al-Kubra* yang dilihat berbeza pula adalah kerana kenyataan tersebut keluar di atas jalan *ihtiyat* (berhati-hati) semata-mata. Perkara ini akan dijelaskan dalam dua tajuk selanjutnya.

Pandangan yang disanggah oleh al-Sanusi daripada individu yang tidak disebutkan nama tersebut mengatakan

---

<sup>45</sup> *Ibid.*, 180.

<sup>46</sup> ‘Umar Mabraki, *al-Ilahiyat ‘ind al-Imam al-Sanusi*, 29.

<sup>47</sup> Anas Muhammad ‘Adnan al-Sharfawi, dalam al-Sanusi, *Sharh al-‘Aqidah al-Kubra*, 180

<sup>48</sup> ‘Abd al-Razzaq Dahmun, “Manhaj Ibn Zakri al-Tilimsani fi ‘Ard Masa’il al-‘Aqidah min Khilal Nazmih Muhammadi al-Maqasid,” *Dirasat Islamiyah* 6(2) (2011), 79.

bahawa makrifatullah sememangnya sudah sedia tersemat di dalam diri semua umat Islam sama ada dari golongan awam mahupun ulama. Umat ini hanya dibezakan dari segi kemampuan untuk mengungkapkan makrifat tersebut. Golongan yang mempunyai penguasaan ilmu untuk memberi penjelasan tentang makrifat tersebut akan dapat mengungkapkannya, sebaliknya golongan awam yang tidak memahaminya tidak akan mampu mengungkapkannya. Justeru, pandangan ini menegaskan bahawa *nazar* adalah tidak wajib dan tidak lagi diperlukan kerana keberadaan makrifatullah yang sudah sedia tersemat di dalam diri.<sup>49</sup>

Al-Sanusi menjelaskan, pandangan seperti yang diutarakan itu jelas bercanggah dengan ijmak. Pandangan tersebut akan membawa kesimpulan bahawa segala perintah dan saranan Allah di dalam al-Quran untuk berfikir, merenung dan meneliti bagi mengenali tuhan menjadi sia-sia dan tidak bermakna kerana berlaku situasi seolah-olah memerintahkan sesuatu yang sudah sedia wujud agar ia diwujudkan (*tahsil al-hasil*) dan ia sama sekali batil dan mustahil bagi hak Allah SWT.<sup>50</sup>

Al-Sanusi berkata, dapat disaksikan dengan jelas kerosakan akidah yang wujud dalam kalangan orang awam yang tidak mengambil berat untuk mempelajari hukum-hakam agama. Sebahagian kerosakan yang berlaku boleh dihukumkan kufur secara ijmak dan sebahagian yang lain dipersetujukan. Contohnya ialah seperti keyakinan *tajsim* dan arah bagi Allah, meyakini kesan datangnya dari makhluk, memahami perbuatan Allah mempunyai tujuan, meyakini kalam Allah itu bersuara dan berhuruf dan sekian banyak lagi salah faham yang ada dalam masyarakat awam. Adalah mustahil dikatakan bahawa makrifat sudah sedia tersemat di dalam diri masyarakat awam apabila

---

<sup>49</sup> Al-Sanusi, *Sharh al-'Aqidah al-Kubra*, 180.

<sup>50</sup> *Ibid.*

keyakinan-keyakinan rosak seperti yang disebutkan masih menjadi pegangan dalam akidah mereka.<sup>51</sup>

Beliau juga menambah bahawa perkara-perkara akidah tidak semuanya berbentuk *daruriyyah*. Bahkan wujud sebahagian daripadanya yang memerlukan kepada penelitian dan renungan yang mendalam. Oleh kerana itu, Nabi SAW membahagikan umat ini kepada 73 golongan kerana wujud perbezaan pada setiap golongan ini dalam meneliti dan merenung tentang perkara-perkara akidah. Kemudian Nabi SAW menjanjikan keselamatan bagi salah satu dari 73 golongan itu kerana kebenaran yang wujud di dalam penelitian mereka. Sekiranya makrifatullah yang benar sudah sememangnya wujud dalam diri setiap individu umat Islam, maka sudah tentu pembahagian ini sudah tidak diperlukan lagi.<sup>52</sup>

### **Hukum Iman Taklid di sisi Al-Sanusi**

Hukum taklid di dalam akidah sememangnya menjadi isu yang diperselisihkan antara ulama Ahli Sunnah wal Jamaah. Hukum ini memberi natijah yang besar pada iman seorang *muqallid* sama ada ia diterima atau ditolak walaupun pegangannya itu bertepatan dengan akidah yang benar. Sekurang-kurangnya terdapat tiga pandangan dari para ulama berkenaan.<sup>53</sup> Al-Bayjuri memperincikan ketiga-tiga pandangan tersebut lalu menghasilkan enam pandangan berbeza.<sup>54</sup> Daripada keseluruhan pandangan itu, majoriti ulama mengatakan bahawa iman seorang *muqallid* adalah sah dan diterima tetapi dia dianggap berdosa kerana meninggalkan *nazar* jika dia berkemampuan dan memenuhi syaratnya.<sup>55</sup> Pandangan al-Sanusi melalui karyanya *Sharh al-'Aqidah al-Kubra* berkenaan hal ini

---

<sup>51</sup> *Ibid.*, 181.

<sup>52</sup> Al-Sanusi, *Sharh al-'Aqidah al-Kubra*, 180

<sup>53</sup> Al-Sanusi, *Umm al-Barahin* dalam al-Dusuqi, *Hashiyah al-Dusuqi 'ala Sharh Umm al-Barahin*, 73.

<sup>54</sup> Al-Bayjuri, *Tuhfah al-Murid Sharh Jawharah al-Tawhid*, 43-44.

<sup>55</sup> Al-Dusuqi, *Hashiyah al-Dusuqi 'ala Sharh Umm al-Barahin*, 71-72.

agak berbeza. Beliau berpandangan bahawa iman seorang *muqallid* adalah tidak sah dan *muqallid* tersebut dianggap kafir dalam hukum iman di akhirat.<sup>56</sup>

Menurut al-Dusuqi perbezaan hukum taklid antara jumhur ulama dan al-Sanusi tersebut disebabkan penilaian yang berbeza terhadap makna wajib pada hukum makrifikatullah. Adalah sedia dimaklumi bahawa jumhur ulama dan al-Sanusi sememangnya bersepakat meletakkan hukum wajib terhadap makrifikatullah. Namun, kewajipan tersebut di sisi jumhur ialah kewajipan cabangan (*wujub al-furu'*) sedangkan kewajipan itu di sisi al-Sanusi pula ialah kewajipan dasar (*wujub al-usul*). Kenyataan tentang perkara ini dapat dilihat melalui huraihan al-Dusuqi berikut:<sup>57</sup>

وَقِيلَ إِنَّ الْعِرْفَةَ فِي الْعَقَائِدِ واجِبَةٌ وَجُوبُ الْأَصْوَلِ وَحِينَئِذٍ  
فَالْمَقْلُدُ كَافِرٌ لِأَنَّهُ مَنْ قِيلَ هَذَا الشَّيْءُ واجِبٌ وَجُوبُ  
الْأَصْوَلِ فَمَعْنَاهُ أَنَّ مَنْ تَرَكَ ذَلِكَ يَكُونُ كَافِرًا وَالْمُصْنَفُ  
اعْتَمَدَ الْقَوْلُ الْأَخِيرُ فِي الْكَبْرِيِّ

Terjemahan: Dikatakan bahawa makrifah itu adalah wajib dengan kewajipan dasar maka seorang *muqallid* adalah kafir kerana apabila dikatakan sesuatu itu wajib dengan kewajipan dasar maka ia memberi makna bahawa sesiapa yang meninggalkannya adalah kafir. Pengarang (al-Sanusi) berpegang dengan pandangan yang terakhir ini di dalam karyanya *al-Kubra*.

Penjelasannya ialah, apabila seseorang tidak melakukan *nazar* yakni dia hanya bertaklid, maka jelas makrifikatullah tiada pada dirinya kerana menurut al-Sanusi, makrifikatullah hanya dapat dihasilkan melalui *nazar*. Apabila makrifikatullah yang menjadi kewajipan dasar

<sup>56</sup> Al-Sanusi, *Sharh al-'Aqidah al-Kubra*, 142.

<sup>57</sup> Al-Dusuqi, *Hashiyah al-Dusuqi 'ala Sharh Umm al-Barahin*, 72.

(*wujub al-usul*) tidak ada, maka layaklah hukum kafir dikenakan kepadanya. Hukum ini berbeza apabila kewajipan makrifatullah itu berbentuk kewajipan cabangan (*wujub al-furu*). Seseorang yang bertaklid dan tidak melakukan *nazar* tetap dikira beriman. Cuma dia dianggap berdosa kerana meninggalkan *nazar* yang boleh menghasilkan makrifatullah jika dia berkemampuan untuk melakukannya. Namun jika dia sememangnya tidak mampu melakukan *nazar* dan hanya bertaklid, tetap dia dikira beriman dan dia tidak berdosa. Ini kerana, pembebanan sesuatu hukum yang tidak mampu dilakukan adalah mustahil di sisi syarak. Begini pandangan majoriti ulama tentang hukum seorang *muqallid* akidah.<sup>58</sup>

Namun, beberapa kajian telah dilakukan menyatakan bahawa al-Sanusi telah menarik semula pandangannya dan bersetuju dengan pandangan majoriti ulama. Menurut Engku Ku Hasan dan Mohd Fauzi Hamat, pengarang kitab *Kifayah al-‘Awwam* iaitu Shaykh al-Fudali (w. 1236 H) ada menyebut di dalam karyanya tersebut tentang penarikan semula al-Sanusi tetapi beliau mengakui tidak menemui kenyataan jelas tentangnya dari mana-mana karya al-Sanusi.<sup>59</sup> Al-Sharfawi pula mengulas bahawa kenyataan tentang penarikan semula itu dapat ditemui di dalam karya al-Sanusi berjudul *Sharh al-‘Aqidah al-Sughra* dan *Sharh al-Muqaddimat*.<sup>60</sup> Walaubagaimanapun, kenyataan yang diisyaratkan itu bersifat umum yang tidak menunjukkan makna penarikan semula. Kenyataan al-Sanusi di dalam *Sharh al-‘Aqidah al-Sughra* adalah seperti berikut.<sup>61</sup>

---

<sup>58</sup> Al-Dusuqi, *Hashiyah al-Dusuqi ‘Ala Sharh Umm al-Barahin*, 73.

<sup>59</sup> Engku Ku Hassan & Mohd Fauzi, “Pengaruh *Umm al-Barahin* karangan al-Sanusi,” 12.

<sup>60</sup> Anas Muhammad ‘Adnan al-Sharfawi, dalam al-Sanusi, *Sharh al-‘Aqidah al-Kubra*, ed. Anas Muhammad ‘Adnan al-Sharfawi (Damsyik: Dar al-Taqwa, 2019), 142.

<sup>61</sup> Al-Sanusi, *Sharh al-‘Aqidah al-Sughra* (Damsyik: Dar al-Taqwa, 2019), 128.

فُلْثٌ: وَأَعْلَمُ هَذَا التَّقْسِيمِ إِنَّمَا فِي حَقٍّ مَّنْ لَا جَزْمٌ مَعَهُ بِعَقَائِدٍ  
الإِيمَانِ أَصْلًا وَلَوْ بِالتَّقْلِيدِ

Terjemahan: Menurutku, kemungkinan pembahagian tersebut (hukum iman *muqallid*) adalah hanya berkenaan mereka (*muqallid*) yang sama sekali tidak mempunyai pegangan akidah keimanan yang kukuh walaupun secara taklid.

Melalui kenyataan ini, secara tersirat al-Sanusi berkata bahawa pegangan kukuh yang bertepatan dengan kebenaran tetap akan diterima walaupun terhasil secara taklid. Manakala kenyataan beliau di dalam *Sharh al-Muqaddimat* adalah seperti berikut:<sup>62</sup>

وَاحْتِلَفَ فِي تَقْلِيدِ عَامَّةِ الْمُؤْمِنِينَ لِعَلَمَاءِ أَهْلِ السُّنَّةِ فِي أَصْوَلِ  
الدِّينِ هُلْ يَكْفِي ذَلِكُمْ لَا ؟ وَكَثِيرٌ مِّنَ الْمُحَقِّقِينَ قَالُوا إِنَّ  
ذَلِكَ كَافٍ إِذَا وَقَعَ مِنْهُمْ التَّصْمِيمُ عَلَى الْحَقِّ لَا سِيَّما فِيمَنْ  
يُعْسِرُ عَلَيْهِ فَهُمُ الدَّلَالَةُ

Terjemahan: Berlaku perselisihan berkenaan taklid kebanyakannya orang beriman dalam urusan Usul al-Din di sisi para ulama Ahli Sunnah wal Jamaah. Adakah ia memadai atau tidak? Kebanyakannya para *muhaqqiqin* berkata bahawa perkara itu memadai apabila wujud ketetapan hati atas kebenaran dalam diri mereka lebih-lebih lagi terhadap mereka yang sukar untuk memahami *dalalah* (petunjuk).

Walaubagaimanapun, melalui dapatan pengkaji, kenyataan al-Sanusi melalui karyanya *Sharh al-'Aqidah al-Kubra* yang dilihat tegas adalah ungkapan yang

<sup>62</sup> Al-Sanusi, *Sharh al-Muqaddimat* (Damsyik: Dar al-Taqwa, 2019), 200.

dikeluarkan di atas jalan *ihtiyat* (berhati-hati). Dengan erti kata bahawa pandangan al-Sanusi sedari awal lagi sudah selari dengan pandangan majoriti ulama iaitu iman seorang *muqallid* adalah sah dan diterima tetapi dia dianggap berdosa kerana meninggalkan *nazar* jika dia berkemampuan dan memenuhi syaratnya. Cuma beliau mengeluarkan kenyataan yang tegas semata-mata ingin mengambil jalan selamat dan berhati-hati agar para mukalaf dapat dikeluarkan dari keimanannya yang diperselisihkan ulama. Sekaligus ia menjadi pemungkin agar setiap mukalaf berusaha menghasilkan makrifatullah dengan *nazar* dan *burhan*.

Perkara ini dapat disaksikan melalui kenyataan al-Sanusi di dalam karyanya yang berjudul *Sharh Wasitah al-Suluk* seperti berikut:<sup>63</sup>

وَالإِحْتِيَاطُ لِلْمُكَلَّفِ أَنْ يَخْرُجَ عَنِ الْخِلَافِ وَلَا يَكْتُفِي بِإِعْنَانِهِ  
يَحْضُرُ التَّقْلِيدَ الْمُخْتَلَفُ فِيهِ. وَلَبِّيَحْثُ عَنْ تَحْصِيلِ الْمَعْرِفَةِ  
بِالْبُرْهَانِ

Terjemahan: Dan jalan yang selamat dan berhati-hati untuk mukalaf ialah mengeluarkannya daripada perselisihan. (Oleh itu), tidak memadai di dalam keimanannya dengan semata-mata bertaklid yang diperselisihkan hukumnya. Serta hendaklah mukalaf tersebut berusaha menghasilkan makrifat dengan jalan *burhan*.

Selain itu, kenyataan al-Sanusi seumpama ini ada dinukilkan oleh al-Mayyarah (w. 1072 H) di dalam karyanya berjudul *al-Durr al-Thamin wa al-Mawrid al-Mu'in*. Melalui nukilan itu, al-Sanusi menjelaskan bahawa pengetahuan secara *tafsil* (terperinci) terhadap makna di

<sup>63</sup> Al-Sanusi, *Sharh Wasitah al-Suluk* (Tunisia: Dar al-Imam Ibn ‘Arafah 2019), 53.

sebalik dua kalimah syahadat adalah tidak disyaratkan dalam pengesahan iman. Iman adalah sah dan boleh diterima hanya melalui pengenalan terhadap makna dua kalimah tersebut secara *ijmali* (ringkas) yang mengandungi makna-makna perincian. Beliau menambah bahawa masyarakat Islam umumnya mengetahui perkara tersebut secara *ijmali*. Setiap individu mengetahui bahawa tuhan adalah pencipta bukan ciptaan. Mereka memahami bahawa tuhan adalah pemberi rezeki bukan yang mendapat rezeki. Kefahaman seperti ini adalah jelas menjadi makna untuk sifat Allah SWT yang tidak berhajat kepada sekalian makhluk-Nya serta seluruh makhluk-Nya berhajat penuh kepada-Nya. Begitu juga masyarakat Islam memahami bahawa solat, puasa, haji dan sebagainya dikerjakan adalah untuk Allah SWT. Kefahaman ini jelas menjadi makna terhadap sifat berhak dan layak disembah itu hanya untuk Allah SWT.<sup>64</sup>

Oleh yang demikian, menurut al-Sanusi di dalam *Sharh al-'Aqidah al-Kubra*, hukum iman seorang *muqallid* adalah tidak sah dan *muqallid* tersebut dihukumkan kafir. Namun penulis tetap membawakan kenyataan-kenyataan al-Sanusi dari sisi lain melalui karyanya yang lain bagi mengelak salah faham terhadap keseluruhan pemikiran beliau dalam isu ini. Tujuan penumpuan kajian penulisan terhadap karya *Sharh al-'Aqidah al-Kubra* adalah bagi menganalisis penghujahan dan dalil kewajipan *nazar* di sisi al-Sanusi serta jawab balas beliau terhadap golongan yang menafikan *nazar* seperti yang telah dibincangkan kerana kedua-duanya dimuatkan secara mendalam oleh al-Sanusi di dalamnya.

### **Dakwaan *Takfir* terhadap Masyarakat Awam**

Berdasarkan kenyataan al-Sanusi yang disebutkan dalam karyanya *Sharh al-'Aqidah al-Kubra*, muncul dakwaan

---

<sup>64</sup> Muhammad bin Ahmad al-Maliki al-Mayyarah, *al-Durr al-Thamin wa al-Mawrid al-Mu'in* (Kaherah: Dar al-Hadith, 2008), 55.

mengatakan beliau dianggap mengkafirkan (*takfir*) masyarakat awam yang umumnya tidak mengetahui tentang *nazar* dan hanya bertaklid. Dakwaan ini amat berat kerana ia boleh mencacatkan makna Hadith Nabi SAW yang mengatakan bahawa umatnya adalah separuh dari jumlah penghuni syurga.<sup>65</sup> Apabila masyarakat awam yang merupakan majoriti dari jumlah keseluruhan umat ini dikafirkan, maka di manakah kebenaran sabdaan Nabi SAW itu? Analisis kajian ini membuktikan dakwaan tersebut sama sekali tidak tepat dan tidak wajar dilontarkan dengan tiga alasan dari pihak pengkaji.

Pertama, kenyataan yang terdapat di dalam *Sharh al-Aqidah al-Kubra* tersebut tidak boleh diertikan berdasarkan zahirnya sahaja. Ini kerana wujud kenyataan-kenyataan al-Sanusi yang berbeza menerusi karyakaryanya yang lain. Sebagaimana yang telah disebutkan, pendirian al-Sanusi berkenaan iman taklid tanpa *nazar* adalah selari dengan pandangan jumhur ulama. Ungkapan beliau yang dilihat keras di dalam karya tersebut hanyalah kenyataan di atas jalan selamat dan berhati-hati agar keluar dari perselisihan ulama. Oleh yang demikian, tidak sepatutnya timbul dakwaan tersebut terhadapnya sebagaimana tidak timbul dakwaan yang sama terhadap jumhur ulama.

Kedua, usaha mengeluarkan diri dari belenggu taklid bukan suatu urusan yang rumit terjadi. Seseorang itu mungkin sahaja sudah dikira melakukan *nazar* walau tanpa dia sedari sekaligus dia tidak lagi dianggap sebagai *muqallid* dan mengesahkan imannya. Menurut al-Sanusi, masyarakat awam dapat melepaskan diri dari belenggu taklid bukan dengan kebolehan menyusun dalil-dalil akidah sebagaimana yang mampu dilakukan oleh ulama Kalam. Bahkan dengan sekadar mengetahui dalil-dalil *ijmali*, sudah mengeluarkan dirinya dari panggilan *muqallid*.

---

<sup>65</sup> Muslim bin al-Hajjaj al-Qushayri al-Naysaburi, *Sahih Muslim* (Kaherah: Dar al-Ta’sil, 2014)1, 327.

Contohnya seperti seseorang melihat ke dalam dirinya lalu menyedari keagungan ciptaan Allah yang ada pada dirinya. Perkara ini amat mudah bagi semua mukalaf dalam kalangan masyarakat awam.<sup>66</sup>

Ketiga, masyarakat awam yang tidak memenuhi syarat *nazar* adalah tidak disasarkan di dalam hukum kewajipan *nazar*. Ini memberi erti bahawa hukum keharaman bertaklid dan kewajipan *nazar* itu adalah di atas bahu setiap individu yang telah sampai kepadanya seruan dakwah agama, baligh, berakal serta mampu dan berpeluang untuk melakukan *nazar*.<sup>67</sup> Perkara ini adalah berdasarkan suatu dasar hukum (*usul*) yang dipegang oleh jumhur ulama Ahli Sunnah wal Jamaah iaitu pembebanan sesuatu hukum yang tidak mampu dilakukan (*al-taklif bi ma la yutaq*) adalah mustahil di sisi syarak.<sup>68</sup> Dengan tiga alasan yang dikemukakan ini membuktikan bahawa dakwaan al-Sanusi mengkafirkan masyarakat awam secara pukal adalah tidak wajar sama sekali.

### Rumusan

Sebagai kesimpulan, *Sharh al-'Aqidah al-Kubra* merupakan karya al-Sanusi yang amat sarat dengan huriahan penting yang menjelaskan konsep-konsep akidah berdasarkan metode aliran akidah al-Asha'irah. Melalui karya ini, penghujahan al-Sanusi terhadap kewajipan *nazar* dan ketegasan beliau berkenaan hukum taklid dapat dilihat dengan jelas. Ketelitian beliau di dalam hal ini juga dapat disaksikan apabila penghujahan yang dilakukannya berdasarkan pelbagai sumber serta jawapan-jawapan balas yang konsisten dan mampu membungkam pelbagai kelompok yang menyalahinya.

Taklid di dalam urusan akidah bukan suatu perkara remeh yang boleh dipandang enteng. Ia adalah soal

<sup>66</sup> Al-Sanusi, *Sharh al-'Aqidah al-Kubra*, 195.

<sup>67</sup> 'Umar Mabraki, *al-Ilahiyyat 'ind al-Imam al-Sanusi*, 17.

<sup>68</sup> Al-Dusuqi, *Hashiyah al-Dusuqi 'ala Sharh Umm al-Barahin*, 72.

penerimaan iman atau penolakannya di akhirat. Setiap individu muslim yang mukalaf dan berkemampuan mesti berusaha mengeluarkan diri dari belenggu taklid bagi mengesahkan keimanannya atau mengeluarkan diri dari dosa bertaklid. Usaha giat dan bersungguh-sungguh yang dilakukan oleh al-Sanusi dalam menyusun pelbagai karya akidah berserta pendalilan yang mudah dan teratur untuk semua peringkat masyarakat adalah suatu bentuk inisiatif, bantuan dan dorongan beliau terhadap masyarakat awam untuk keluar dari belenggu taklid yang tercela. Dakwaan beliau mengkafirkan masyarakat awam berdasarkan pendirian hukum taklidnya yang tegas juga adalah tidak wajar dengan melihat dan memahami bagaimana dasar hukum yang telah beliau bangunkan berkaitan dengannya.

### **Penghargaan**

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih dirakamkan kepada Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia kerana membiayai penyelidikan ini di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) dengan kod: FRGS/1/2022/SSI11/UKM/02/18.

### **Rujukan**

- Abu Hanifah. *Fiqh al-Akbar*, terj. Abdul Hakim Murad. London: Ta-Ha Publishers, 1998.
- Dahmun, ‘Abd al-Razzaq. “Manhaj Ibn Zakri al-Tilimsani fi ‘Ard Masa’il al-‘Aqidah min Khilal Nazmih Muhammadi al-Maqasid,” *Dirasat Islamiyyah* 6(2) (2011): 65-116.
- Jaradi, ‘Ali ‘Uthman. *Al-Qawl al-Sadid Sharh Jawharah al-Tawhid*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2013.
- Al-Ajhuri, ‘Abd al-Barr bin ‘Abdillah bin Muhammad. *Fath al-Qarib al-Majid bi Sharh Jawharah al-Tawhid*. ‘Amman: Dar al-Fath, 2019.
- Basri bin Husin. “Perbahasan Epistemologi dalam Wacana Kalam al-Asha’irah: Analisis terhadap Pemikiran al-Baqilani dan al-Baghdadi.” Tesis Kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2018.

- Al-Baghdadi, Abu Mansur. *Usul al-Din*. Turki: Matba‘ah al-Dawlah, 1928.
- Al-Bayjuri, Ibrahim bin Muhammad. *Tuhfah al-Murid Sharh Jawharah al-Tawhid*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2004.
- Al-Bayjuri. Ibrahim bin Muhammad. *Hashiyah al-Bayjuri ‘ala Sharh al-‘Aqa‘id al-Nasafiyah*. Syria: Dar al-Taqwa, 2020.
- Al-Dusuqi, Muhammad bin Ahmad. *Hashiyah al-Dusuqi ‘ala Sharh Umm al-Barahin*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2020.
- Engku Wok Zin, Engku Ku Hassan & Mohd Fauzi Hamat. “Pengaruh *Umm al-Barahin* Karangan al-Sanusi dalam Penulisan Karya Akidah di Alam Melayu”. *Jurnal Usuluddin* 30 (2009): 1–31.
- Al-Ghazzi, Muhammad Sidqi al-Burnu. *Al-Wajiz fi Iydh Qawa‘id al-Fiqh al-Kulliyah*. Beirut: Mu’assasah al-Risalah, 1996.
- Al-Hajjar, Muhammad. *Sharh al-Maqasid al-Nawawiyyah*. Beirut: Dar al-Basa’ir al-Islamiyyah, 2010.
- Ibn Kathir, Isma‘il bin ‘Umar. *Tafsir al-Qur’an al-‘Azim, Tafsir Ibn Kathir*, ed. Sami bin Muhammad al-Salamah. Riyadh: Dar Tayyibah, 1999.
- Al-Mayyarah, Muhammad bin Ahmad al-Maliki. *Al-Durr al-Thamin wa al-Mawrid al-Mu‘in*, ed. ‘Abd Allah al-Manshawi. Kaherah: Dar al-Hadith, 2008.
- Muslim bin al-Hajjaj al-Qushayri al-Naysaburi. *Sahih Muslim*. Kaherah: Dar al-Ta’sil, 2014.
- Mustafa Kamal bin Amat Misra & Mohd Hakim bin Arshad, “Peranan Muhammad bin Yusuf al-Sanusi terhadap Kelangsungan Manhaj al-Asha‘irah,” IRSYAD E-Proceeding. International Conference on Islamiyyat Studies, 2018.
- Sa‘id ‘Abd al-Latif Fudah. “Muqaddimah al-Muhaqqiq”. Dalam al-Sanusi Muhammad bin Yusuf, *Sharh al-Muqaddimat*. Beirut: Mu’assasah al-Ma‘arif, 2009.

- Sa‘id ‘Abd al-Latif Fudah. *Al-Sharh al-Kabir ‘ala al-‘Aqidah al-Tahawiyah*. Jil. 1. Kaherah: al-Aslayn li al-al-Dirasat wa al-Nashr, 2017.
- Al-Sanusi, Abu ‘Abdillah Muhammad bin Yusuf. *Al-Manhaj al-Sadid fi Kifayah al-Murid*, ed. Mustafa Marzuqi. Algeria: Dar al-Huda, 1994.
- Al-Sanusi, Abu ‘Abdullah Muhammad bin Yusuf. *Sharh al-‘Aqidah al-Kubra*, ed. Anas Muhammad ‘Adnan al-Sharfawi. Damsyik: Dar al-Taqwa, 2019.
- Al-Sanusi, Abu ‘Abdullah Muhammad bin Yusuf. *Sharh al-‘Aqidah al-Sughra*, ed. Anas Muhammad ‘Adnan al-Sharfawi. Damsyik: Dar al-Taqwa, 2019.
- Al-Sanusi, Abu ‘Abdullah Muhammad bin Yusuf. *Sharh al-Muqaddimat*, ed. Anas Muhammad ‘Adnan al-Sharfawi. Damsyik: Dar al-Taqwa, 2019.
- Al-Sanusi, Abu ‘Abdullah Muhammad bin Yusuf. *Sharh Wasitah al-Suluk*, ed. Nizar Hammadi. Tunisia: Dar al-Imam Ibn ‘Arafah, 2019.
- Al-Sawi, Shihab al-Din Ahmad. *Hashiyah al-Sawi ‘ala Jawharah al-Tawhid*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2010.
- Al-Sharfawi, Anas Muhammad. Dalam al-Sanusi, Abu ‘Abdillah Muhammad bin Yusuf. *Sharh al-‘Aqidah al-Kubra*, ed. Anas Muhammad ‘Adnan al-Sharfawi. Damsyik: Dar al-Taqwa, 2019.
- Al-Taftazani, Sa‘d al-Din. *Sharh al-Maqasid*, ed. ‘Abd Rahman ‘Umayrah. Jil 1. Beirut: ‘Alam al-Kutub, 1998.
- ‘Umar Mabraki. *Al-Ilahiyyat ‘ind al-Imam al-Sanusi*. ‘Amman: Dar al-Nur al-Mubin li al-Nashr wa al-Tawzi‘, 2021.
- Al-Yusi, Abu al-Mawahib al-Hasan. *Hawashi al-Yusi ‘ala Sharh Kubra al-Sanusi*. Jil. 1. Madinah: Dar al-Furqan, 2008.

